

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 OGOS 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4

Gaji permulaan sektor swasta ikut Dasar Gaji Progresif

Gaji permulaan sektor swasta ikut Dasar Gaji Progresif

Majikan naikkan upah berdasarkan ketetapan layak dapat insentif

Oleh **Essa Abu Yamin**
essabayamin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gaji permulaan yang perlu dipatuhi majikan sektor swasta ditetapkan oleh kerajaan menerusi Dasar Gaji Progresif. Menteri Ekonomi, Rafizi

Ramli, berkata banyak pihak tidak mengetahui kerajaan menetapkan gaji permulaan sektor swasta menerusi dasar itu.

"Kita sering merungut mengenai gaji tetapi apabila ada peluang kenaikan gaji, kita tidak gunakan.

"Majikan yang menaikkan gaji untuk mematuhi tangga gaji berkenaan layak mendapat insentif gaji progresif yang perlu dibayar kepada pekerja supaya kenaikan itu ditanggung kerajaan," katanya menerusi ciapan di



Rafizi Ramli

platform X, semalam.

Gaji ahli nujum RM2,205

Menerusi perkongsian itu, Rafizi turut mendedahkan kadar gaji permulaan mengikut kelayakan di bawah Dasar Gaji Progresif, iaitu jurutera mekanikal (RM3,380 sebulan), jurutera awam (RM3,115), Akauntan dan juruaudit (RM3,280); ahli nujum (RM2,205) dan juruteknik kejuruteraan awam (RM2,470).

Beliau berkata, senarai pe-



Banyak pihak tidak mengetahui kerajaan menetapkan gaji permulaan sektor swasta menerusi Dasar Gaji Progresif.

(Foto hiasan)

nuh gaji permulaan di bawah Dasar Gaji Progresif, Buku Panduan Gaji Pokok Permulaan dan Kenaikan Tahunan boleh dimuat turun daripada pautan <https://gajiprogresif.gov.my>.

Menjawab pertanyaan seorang pengikutnya berhubung kedudukan gaji ahli nujum yang

turut dikongsi, Rafizi menyatakan: "Yeap, ada dalam kod pekerjaan rasmi negara."

Ciapan itu turut disusuli emoji ketawa.

Semakan **BH** mendapati, tangga gaji ahli nujum itu tersenarai bersama tukang tilik di bawah kod MASCO4D 5161.